



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

**KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**



1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB** dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. TENDER	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER/ LAWAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
0052/2025	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN PENGGANTIAN PAIP AIR BESERTA TANGKI AIR DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TUN GHAFAR BABA, JASIN MELAKA.	<u>CIDB</u> Gred : G4 Kategori: CE Pengkhususan: CE20	12/08/2025 (Selasa) 10:30 pagi Dewan Laksmana Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Ghafar Baba, Jalan Simpang Kerayong, 77000 Jasin, Melaka.	13/08/2025 (Rabu) Hingga 27/08/2025 (Rabu)	RM100.00	03/09/2025 (Rabu) (Sebelum 12.00 tengah hari)

**** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT TENDER ****

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendengar taklimat tender dan membeli dokumen.
- SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) oleh CIDB.
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) oleh CIDB
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi pendaftaran dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / DEBIT CARD** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - hari Khamis, (8.30 pagi - 12.15 tengahari), / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. Sekiranya pembelian dokumen dibuat melalui MARAEPS, dokumen sebut harga hendaklah segera diambil dalam tempoh penjualan dokumen yang ditetapkan. Kegagalan pengambilan dokumen sehingga tarikh akhir penjualan tidak akan dilayan. Kegagalan penyebutharga mematuhi syarat ini maka wang pembelian dokumen yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** berdaftar yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tender.
7. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender/Sebutharga Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan "Surat Kebenaran Khas menyertai Tender/Sebutharga bagi Gred yang lebih tinggi/rendah" adalah juga tidak diterima
8. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
9. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

10. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti di alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

11. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>.
12. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Sebarang urusan Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.